

TEMA 10: Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan

Tahap Penguasaan

1	2	3	4	5	6
---	---	---	---	---	---

PBD Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: m.s. 118 – 119

Lengkapkan dialog di bawah ini menggunakan frasa yang diberikan. Lakonkan dialog tersebut di dalam kelas. DSKP: SP1.4.2 **STEAM** **KBAT** Mengaplikasi

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • menyenangkan suri rumah • mampu untuk memilikinya • menjadi lebih mudah • yang bekerja bagi pihak manusia | <ul style="list-style-type: none"> • keupayaan robot sangat terhad • mencari maklumat terkini • menyedut semua kotoran dan habuk • membantu kehidupan manusia |
|--|---|

Cikgu Tan: Selamat sejahtera, murid-murid. Pada hari ini cikgu ingin memperkenalkan sebuah robot kepada kalian yang dicipta untuk (1) _____ membantu kehidupan manusia _____, iaitu sebuah robot yang berfungsi sebagai vakum. *(Sambil menunjukkan robot tersebut pada paparan skrin)*

Andi: Bagaimanakah robot ini berfungsi, cikgu?

Cikgu Tan: Robot vakum ini dicipta untuk menggantikan fungsi penyapu. Robot ini berupaya untuk membersihkan lantai dan (2) _____ yang terdapat di atas lantai atau di sudut yang sukar dicapai menggunakan penyapu.

Ilyani: Wah, hebat sungguh fungsi robot ini! Kalau begitu, kehidupan suri rumah pasti akan (3) _____.

Cikgu Tan: Ya, benar kata-kata kamu, Ilyani. Penggunaan robot atau sebarang peralatan yang berteknologi moden membantu manusia untuk memudahkan urusan seharian.

Syafik: Cikgu, bukannya manusia akan menjadi malas sekiranya robot sahaja (4) _____?

Cikgu Tan: Kebanyakan peralatan moden dicipta khusus untuk memudahkan kehidupan seharian manusia. Walaupun ada tugas manusia yang telah diambil alih oleh robot namun (5) _____. Sebagai contoh, robot vakum ini perlu dicas dan tidak boleh digunakan sekiranya baterinya lemah.

Kavita: Cikgu, saya ada terbaca tentang pelbagai jenis robot yang telah dicipta untuk memudahkan urusan seharian manusia. Yang terbaharu ialah robot humanoid, iaitu sebuah robot elektronik. Robot ini (6) _____ untuk melaksanakan kerja-kerja harian mereka.

Lilian: Saya pula terbaca tentang sebuah robot yang dapat membantu doktor melakukan pembedahan mikro. Saiz robot tersebut ialah 8 hingga 12 milimeter dan fungsinya adalah untuk membuang sel kanser.

Cikgu Tan: Syabas, murid-murid! Kalian sangat rajin (7) _____ tentang penciptaan sains dan teknologi.

Andi: Cikgu, adakah robot vakum yang ditunjukkan oleh cikgu sebentar tadi mampu dimiliki oleh setiap orang?

Cikgu Tan: Oleh sebab harganya yang agak mahal, bukan semua orang (8) _____.

Abishek: Oh, kalau begitu saya akan menggunakan penyapu sahajalah, cikgu! *(Semua tertawa)*